

**UCAPAN DR YAACOB IBRAHIM  
MENTERI SEKITARAN DAN SUMBER AIR DAN  
MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI EHWAL  
MASYARAKAT ISLAM DI SEMINAR HAJI  
JUMAAT, 1 OKTOBER 2010  
AKADEMI MUIS, HUB ISLAM SINGAPURA**

Haji Mohd Alami Musa, Presiden MUIS

Sahibus Samahah, Syed Isa Semait, Mufti Negara

Para Anggota Majlis Tertinggi MUIS

Haji Shafawi Ahmad, Pengerusi, Jawatankuasa Haji MUIS

Ustaz Tengku Mohd Fouzy Tengku Mohd Jumat, Presiden AMTAS

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian

Assalammualaikum Wr Wb

Sempena bulan Syawal, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Eidulfitri – Minal Aidin Walfaizin.

Saya berbesar hati kerana dapat menyertai anda pada pagi ini dalam Seminar Haji anjuran Persatuan Agensi Pelancongan Islam Singapura (AMTAS) dengan sokongan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Ini merupakan kali ke-7 seminar ini diadakan sejak 2004.

2 Ibadah haji merupakan salah satu rukun Islam. MUIS telah menetapkan matlamat untuk menyediakan perkhidmatan haji yang bermutu tinggi bagi jemaah Singapura. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dengan kerjasama AMTAS ke arah matlamat itu. Usaha-usaha tersebut berbaloi kerana MUIS telah diberi pengiktirafan dalam bentuk pensijilan ISO 9001:2000 kerana mampu melaksanakan sistem pengurusan haji yang baik. Kecekapan MUIS turut mendapat perhatian luar negara. Sebagai contoh, MUIS telah diminta untuk menyediakan khidmat perubatan kepada jemaah haji dari Australia sejak 2006. Seminar Haji Antarabangsa

pula telah diadakan pada 2008 sebagai wadah untuk para penguasa haji dari dalam dan luar negara saling mempelajari amalan-amalan terbaik dalam pentadbiran dan pengurusan haji.

### **Model Kerjasama Sektor Awam dan Swasta yang Berjaya**

3 Namun, kejayaan-kejayaan itu tidak menyebabkan MUIS leka. Malah, MUIS terus berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan haji. Ekoran seminar Haji 2004, MUIS dan AMTAS telah bersetuju untuk bekerjasama dalam mengendalikan urusan haji. Matlamat utama kerjasama ini adalah untuk meningkatkan lagi tahap dan mutu pentadbiran serta pengurusan haji di Singapura. MUIS sedar urusan haji dapat dilaksanakan secara lebih baik dan berkesan dengan bantuan dan sokongan dari pihak swasta seperti AMTAS.

4 Kerjasama di antara MUIS dan AMTAS telah dapat menyelaraskan aspek-aspek logistik dan operasi haji, antaranya menubuhkan Pos Kawalan (*Command Post*) di Arafah dan Mina untuk memastikan keselamatan dan kebajikan jemaah ketika melontar jamrah. Kumpulan Kerja MUIS-AMTAS juga telah mengkaji tren pasaran dan harga pakej haji agar harga pakej haji terus berpatutan dan berada dalam kemampuan jemaah kita.

5 Kerjasama itu tidak berakhir di situ sahaja. Sejak 2007, MUIS menyumber-luarkan (*outsourcing*) beberapa operasi haji kepada AMTAS, termasuk program seperti pengendalian Bengkel Haji bagi para pegawai pelancongan haji atau GSA, majlis taklimat haji sebelum keberangkatan jemaah dan proses visa haji.

6 Pengembelian sumber dalam pentadbiran haji membolehkan MUIS memberi fokus kepada peranan strategiknya sebagai penguasa dan pemudah-cara (*regulator-cum-facilitator*) dalam urusan haji. Kerjasama ini adalah satu model perkongsian antara sektor awam dan swasta yang berkesan.

### **Perubahan dan Cabaran Baru**

7 Walaupun pelbagai program dan inisiatif telah dilakukan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi sistem pengurusan haji, kita tidak terlepas daripada perubahan dan cabaran yang di luar kawalan dan jangkaan kita.

8 Antaranya adalah sistem kuota haji yang dikenakan ke atas Singapura mulai 2002, isu jemaah haji wanita yang di bawah usia 45 tahun tanpa Mahram (2004), ancaman wabak SARS (2003) serta H1N1 (2009), pembangunan pesat di Makkah dan kelulusan bagi tempat tambahan yang diberi pada saat-saat terakhir sebelum jemaah berangkat dalam 2009.

9 MUIS sedar bahawa cabaran dan perubahan ini boleh menjejaskan keberkesanan sistem pengurusan haji kita. Oleh itu, MUIS telah membentuk satu Jawatankuasa tiga pihak yang terdiri dari anggota Jawatankuasa Haji, AMTAS dan MUIS pada Mac 2009, untuk meninjau sistem pengurusan haji dalam usaha memastikan kita lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

10 Antara saranan Jawatankuasa Semakan yang telah diterima dan dilaksanakan pada Julai 2009 adalah untuk memberi keutamaan kepada para pemohon kali pertama dan juga kepada wanita berumur bawah 45 tahun untuk menunaikan haji bersama Mahram masing-masing.

#### **a) Perubahan pada Sistem Pendaftaran Awal Haji**

11 Dalam usaha menangani ketidak-pastian tempat tambahan haji pula, Jawatankuasa Semakan MUIS-AMTAS 2010 ditubuhkan pada awal tahun ini untuk membuat semakan lanjutan kepada Sistem Pendaftaran Awal Haji MUIS (*MUIS Advance Haj Registration System*). Lahir dari jawatankuasa tersebut adalah saranan-saranan yang antaranya untuk mengetatkan lagi Sistem Tender Pakej Haji dan Sistem Pendaftaran Awal Haji. MUIS juga telah membuat pindaan tambahan kepada Peraturan Haji dalam Akta Pentadbiran Hukum Islam atau AMLA.

## **b) Perubahan pada Peraturan AMLA (Haji)**

12 Pindaan ke atas Peraturan Haji akan memberi MUIS kuasa tambahan untuk mengambil tindakan terhadap para pendaftar yang tidak mematuhi peraturan-peraturan dalam sistem pendaftaran haji. Ini termasuk kuasa untuk mengeluarkan nama pemohon yang telah mendaftar melalui Sistem Pendaftaran Awal Haji atau Advance Haj Registration Sistem (AHRIS) untuk menunaikan haji pada tahun-tahun tertentu tetapi tidak memberi respon apabila dihubungi untuk menunaikan haji. Ini bertujuan untuk memastikan para pendaftar membuat perancangan rapi dan juga ia dapat mengemaskini sistem AHRIS. Pindaan tambahan juga dibuat untuk memberi kuasa kepada MUIS mengarahkan GSA yang telah dilantik tetapi mempunyai bilangan jemaah yang kecil untuk bergabung dengan GSA lain sekiranya jumlah kuota haji bagi Singapura dikurangkan.

## **Kesimpulan**

13 Kita telah bergerak di landasan yang betul dalam pengurusan haji. Kita harus menangani jangkaan orang ramai, menyesuaikan diri dengan perubahan dan mengurangkan risiko dalam segala keadaan dan situasi yang tidak menentu.

14 Marilah kita sama-sama menghadapi cabaran-cabaran ini dengan optimis, minda yang terbuka, bersikap realistik dan pragmatik dan sentiasa berdoa agar Allah SWT akan membantu dalam segala urusan kita, Insya Allah. Harapan saya agar kita terus bersatu dan menyokong segala usaha baik MUIS dan AMTAS dalam pentadbiran dan pengurusan haji demi kebaikan kita bersama.

15 Amin. Dengan ini saya dengan sukacita merasmikan Seminar Haji ini.

16 Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum wr wb.